

Pelajar maut motosikal dirempuh kereta

KUALA LUMPUR 10 Dis. - Seorang pelajar sebuah universiti maut selepas motosikal ditunggangnya dirempuh sebuah kereta di susur keluar Lebuhraya Silikon dekat sini pagi ini.

Dalam kemalangan pukul 8.15 pagi itu, mangsa, Mohd. Asyraf Aminuddin, 20, yang merupakan

pelajar Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam perjalanan untuk menghadiri kuliah.

Mangsa yang menuntut dalam tahun dua jurusan Ijazah Sains Pertanian di universiti berkenaan meninggal dunia di tempat kejadian akibat cedera parah di leher.

Pegawai Turus Trafik Selangor, Deputi Supritendan Azmi Mansur berkata, kemalangan tersebut berlaku apabila kereta jenis Proton Wira yang dipandu seorang lelaki tidak sempat mengelak dan merempuh mangsa yang keluar dari susur lebuhraya berkenaan.